

SEPINTAS LALU MELIHAT AKTIVITI EKONOMI DAN ANCAMAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) DI LEMBAH SINTOK, KEDAH TAHUN 1948-1989

Mohd Kasri Bin Saidon
kasri@uum.edu.my
Zolkefli Bin Bahador
Khaliza Binti Saidin
Universtiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kertas kerja ini melihat memaparkan tentang perubahan yang dilalui oleh lembah Sintok di Kedah sekitar tahun 1948-1989. Kawasan ini begitu terkenal dahulunya sebagai medan ekonomi perlombongan bijih dan ditampung sedikit dengan aktiviti pembalakan. Masyarakat setempat yang mendiami lembah ini juga mengusahakan aktiviti pertanian khususnya berhumas. Namun selepas tamat Perang Dunia Kedua kawasan ini menjadi medan panas dengan aktiviti subversif oleh Parti komunis Malaya (PKM). Ia kemudiannya menjadi masalah yang besar dan berpanjangan apabila lembah yang hampir dengan sempadan Thailand ini dijadikan kawasan aktiviti utama pihak PKM. Keselamatan masyarakat khususnya pelombong telah diancam, kekuatan utama penjagaan keselamatan hanyalah sebuah balai polis dengan kekuatan dan peralatan yang minima. Medan Sintok ini menyaksikan peristiwa pertempuran dan pembunuhan yang tidak sedikit sehingga lembah ini dijadikan kawasan keselamatan oleh pihak berkuasa. Ancaman selepas tahun 1960 dilihat bersambung pula dengan siri Insurgensi dimana pihak PKM kembali aktif melakukan serangan yang mengugat keamanan. Ia hanya berakhir dengan perletakan senjata yang berupa perjanjian damai antara kerajaan yang termeteri di Hatyai dalam tahun 1989. Selepas itu kawasan ini berubah wajah menjadi medan ilmu dengan terdirinya Universiti Utara Malaysia. Segala paparan ini merupakan fakta sejarah tanah air tentang sebuah medan ekonomi, diancam musuh dan muncul sebagai wadah ilmu kemudiannya.

Kata Kunci: *Sintok, ekonomi, subversif, Parti Komunis Malaya, Hatyai*

PENGENALAN

Kertas kerja ini adalah satu bentuk perincian kembali tentang aktiviti subversif yang dilakukan pihak Parti Komunis Malaya (PKM) dikawasan Sintok, Kedah. Kisah yang berlaku di Sintok ini dikira juga agak hebat dari sudut sejarah walaupun mungkin tidak tragis seperti di Bukit Kepong, Johor. Begitu pun ia patut dilihat dan dikaji kembali tentang pelbagai kisah yang melihatkan pensejarahan negeri Kedah juga negara Malaysia umumnya. Kisah sejarah ini makin tenggelam atau hanyut dibawa zaman apabila jenerasi yang ada ketika itu telah meninggal dunia dan kawasan Sintok sendiri telah jauh berubah wajah dari kawasan perlombongan dan pembalakan kepada medan ilmu dengan terdirinya Universiti Utara Malaysia (UUM). Perubahan ini terhasil dari pengorbanan ratusan penjuang keselamatan khususnya dari pihak polis dan tentera, ada yang tercedera dan terkorban dalam mempertahankan Sintok. Kisah perjuangan mereka hampir lenyap dari pengetahuan rakyat umum malah jenerasi kini jika tidak mengetahui tentang hal ini. Pengkisahan hanya berlaku di bulan Ogos sempena kemerdekaan, itu pun bukan dihayati secara menyeluruh oleh setiap lapisan masyarakat. Akhirnya kisah mereka semakin terpinggir dan kekal mereka sebagai wira yang tidak didendangkan (*Unsung heroes*).

Sejarah Awal Sintok-Penempatan dan Ekonomi

Sintok adalah satu kawasan di utara Kedah paling hampir dengan sempadan Malaysia-Thailand. Kawasan seluas 1,061 hektar ini 100 tahun dahulu hanyalah kawasan hutan semata-mata. Terdapat beberapa kampung tradisi Melayu kawasan tersebut, ia terletak hampir sama dan agak berdekatan antara satu sama lain. Kawasan tradisi ini agak hampir dengan pekan Changlun, pekan ini mempunyai sejarah yang panjang dan pernah menjadi pekan pentadbiran bagi negeri Kedah untuk kawasan Kubang Pasu sebelum Jitra mengambil peranan itu. Aktiviti ekonomi orang Melayu ini bertumpu kepada pertanian padi huma dan mencari hasil hutan.¹

Kawasan yang lebih jauh ke dalam berhampiran lokasi UUM sekarang dan Bukit Kachi, aktiviti ekonomi perlombongan bijih timah adalah menjadi penjana ekonomi utama dan ditambah dengan sedikit kerja-kerja pembalakan. Pengusaha lombong terdiri dari pelbagai bangsa, pemodal Melayu, Cina dan penguasaan orang Inggeris juga tidak terkecuali. Tenaga kerja lombong umumnya dari buruh Melayu dan Cina, pelombong Cina umumnya adalah tenaga kerja yang dibawa masuk dari tanah besar China. Mereka ini berkemahiran tinggi dan bukan hanya bertumpu di Sintok semata-

¹Beberapa coretan tentang Changlun dapat dibacadari Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah dan Perlis Di Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publication.2001

mata malah terlibat dalam kerja melombong ini keseluruh Tanah Melayu. Di Kedah kawasan Sintok dan Kulim adalah lokasi bijih timah utama yang mempunyai jumlah pelombong berketurunan Cina. Pelombong Cina ini sebagaimana biasa akan tinggal berkelompok yang kerap disebut penduduk tempatan sebagai 'Kongsi'.

PKM dan Sintok Semasa Pendudukan Jepun

PKM yang berdoktrinkan komunisme mempunyai sejarah yang agak panjang untuk diuraikan. Namun paparan ini akan memberi tumpuan tentang kegiatan subversif PKM semasa pendudukan tentera Jepun dan di era darurat. Semasa pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu utamanya sekitar tahun 1942-1945, terdapat satu gerakan bawah tanah yang memberikan tentangan kepada Jepun ia dikenali sebagai *Malayan People Anti-Japanese Army* (MPAJA) atau dikenal juga sebagai Bintang Tiga, gerakan ini diresapi ideologi komunis namun pernah mendapat latihan dan bantuan persenjataan dari British melalui *Force 136*. Namun hubungan ini tidak kekal lama apabila sejarah menyaksikan British dan Komunis tidak sekata dalam ideologi, polisi dan semua rentak hubungan yang akhirnya mencetuskan permusuhan yang panjang.²

Lokasi Sintok yang hanya bersebelahan dengan sempadan Thailand menjadikan ia kawasan aktiviti yang selamat bagi PKM. Semasa pendudukan Jepun telah sedia digunakan kawasan Sintok sebagai medan penyusupan masuk MPAJA ke Kedah namun ia tidak begitu meluas. Pertahanan dan keselamatan di Sintok hanyalah sebuah balai polis kecil dengan anggota yang begitu minima, dikatakan di era akhir Perang Dunia Kedua balai ini hanya menempatkan seramai enam orang anggota secara tetap dan ditambah mengikut keperluan kemudiannya. Balai ini hanya diketuai seorang ketua balai berpangkat Kopral dan dibantu beberapa orang anggota konstabel. Di Sintok terdapat juga pekerja badan perlesenan bijih dan balak yang dikenali penduduk awam ketika itu sebagai 'Mata-mata Kelian' dan 'Mata-mata Kayu'.³

Pertahanan lain hanyalah bergantung kepada sokongan awam melalui ketua-ketua kongsi lombong dan balak, Penghulu juga pembantunya Panglima. Dilihat kelemahan utama ialah tenaga tempur, alatan komunikasi, kenderaan perhubungan dan persenjataan. Sintok tidak tersedia menjadi medan pertahanan walaupun kawasan ini telah menunjukkan potensi besar sebagai medan subversif pihak PKM. Semasa pendudukan Jepun pihak MPAJA menjadikan Sintok antara pengkalan henti untuk

²Huraian tentang peranan Force 136 boleh dirujuk dengan lebih meluas dalam Wan Hashim Wan Teh, *Perang Dunia ke Dua, Peranan Gerila Melayu Force 136*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993

³ Lebih bersifat pengawasan lombong dan pembalakan, jawatan sekarang ialah penguatkuasa.

lalu mereka ke Tanah Melayu dengan cara mengelakkan laluan kawasan awam yang lebih terbuka. Dari Sintok mereka ke Padang Sanai dan Kuala Nerang, di Kuala Nerang Force 136 ada membuka unit mereka. Gerombolan ini bergerak lagi ke Naka, Nami dan masuk ke Gulau di Sik. Dari lokasi ini mereka akan Weng, Baling dan akhirnya ke Hulu Perak. Dilihat semua kawasan ini merupakan kawasan selamat bagi mereka kerana terdapat aktiviti Force 136 dan berhampiran sempadan Thailand.⁴

Sintok Era Darurat

Kekalahan Jepun menyaksikan kuasa dari timur jauh itu terpaksa melepaskan semua pegangan mereka di Kedah. Walaupun semasa itu Kedah diserahkan kepada Siam (Thailand) tetapi kepentingan ekonomi dan strategik keselamatan masih lagi dikuasai pihak Jepun. Kawasan Sintok utamanya perlombongan yang dikuasai Jepun terpaksa dilepaskan kembali kepada kuasa tadbir British. Sintok kembali aman seketika dan aktiviti perlombongan kembali dirancarkan setelah suram sekian lama. Aktiviti perlombongan dan pembalakan kembali aktif, tenaga kerja keturunan Cina kembali bergerak masuk, orang Melayu mula melakukan kerja berhuma, mendulang bijih, membalak dan mencari hasil hutan. Pergerakan keluar masuk antara Kedah dan Thailand dengan tujuan ekonomi dan sosial kembali seperti sebelum Perang Dunia Kedua.

MPAJA dan Force 136 telah dibubarkan, keperluan mereka dalam aspek pertahanan dilihat sudah tidak perlu lagi, penguatkuasaan kembali kepada pihak polis dan tentera. British juga dilihat sebaliknya ingin mengekang pengaruh komunisme di Tanah Melayu, semasa Jepun MPAJA telah dibekalkan dengan latihan dan persenjataan oleh pihak British. Sejumlah besar senjata yang umumnya dari jenis raifal dan bahan letupan telah diterbangkan masuk dari pengkalan British di India dan SriLanka ketika itu.⁵

Peralatan ini kemudiannya diserahkan pihak MPAJA semasa pembubaran peranan mereka sebagai pasukan bawah tanah selepas Jepun kalah.⁶ Namun mereka juga mempunyai wawasan yang lebih jauh, sebahagian dari senjata ini disimpan di pengkalan hutan mereka. Dari segi tenaga tempur, aktiviti dan latihan yang dijalankan dalam tempoh pendudukan Jepun telah menjadikan mereka mahir dalam suasana

⁴ Rujuk juga Abdul Samad Idris, *Askar Melayu 50 Tahun*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman, 1983 untuk pemahaman tentang suasana pertahanan selepas Jepun.

⁵ Rujuk pengalaman pegawai Force 136 dalam James Dobree, Peter, *Hujan Panas Bawa Bencana*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

⁶ Anggota MPAJA menerima wang sejumlah \$350 seorang semasa menyerahkan senjata api.

perang di hutan. Hal ini bakal menjadi ancaman kepada pihak British yang semasa itu diperingkat penyusunan semula pasukan keselamatan.⁷ Permasalahan politik juga mulai timbul dikalangan orang Melayu apabila sudah terbit rasa protes yang vokal atas usaha British untuk menguasai secara penuh dari konsep naungan kepada penjajahan sepenuhnya dengan pengurangan kuasa Sultan dan kedudukan istimewa orang Melayu. Agenda Malayan Union yang dibuat telah ditentang hebat sehingga gagal diimplimentasikan oleh British.⁸

Permasalahan mula terbit apabila terjadinya pembunuhan beberapa pegawai ladang keturunan Inggeris dan seterusnya situasi menjadi panas dengan serangan yang lebih besar sehingga tercetus perintah Darurat. Terjadinya hal ini menyebabkan Sintok kembali menjadi kawasan aktiviti sebelumnya. Terdapat pelbagai kelebihan Sintok bagi PKM, kawasan ini begitu ramai orang Cina dimana penyusupan PKM yang juga ramai berketurunan Cina sukar dikesan. Begitu juga dengan bantuan logistik seperti makanan dan ubatan yang boleh diperolehi dengan mudah. Jumlah kekuatan polis juga begitu minima dan bilangan penduduk awam yang memiliki senjata api juga sedikit setelah senjata mereka dirampas Jepun sebelumnya. Hutan kawasan Sintok yang padat dengan balak menjadikan bumbung pelindungan dari tinjauan udara. Kawasan Sintok yang hanya bersempadankan Thailand merupakan kesempatan besar untuk menyelamatkan diri jika diserang pihak kerajaan malah kawasan jalan perhubungan yang berliku ditereng bukit dari Changlun ke Sintok dapat dijadikan medan serang hendap ke atas pasukan keselamatan.

Mereka awal dari itu telah pun menunjukkan belang dengan melakukan satu pembunuhan keatas keluarga anggota polis di Sintok. Satu serangan dibuat dalam tahun 1946, Che Jik isteri kepada Kpl Hassan telah terbunuh. Ada pandangan yang mengatakan serangan ini bermotifkan provokasi dan amaran kepada pihak berkuasa tentang kewujudan PKM dikawasan tersebut. Kesan dari itu pihak kerajaan telah mengeluarkan semua anggota berkeluarga dan digantikan dengan anggota bujang.⁹ Jumlah anggota pada masa itu masih lagi terhad, ini disebabkan Tanah Melayu dalam tahun 1946 masih dalam penyusunan semula struktur tadbir akibat kekalahan pihak Jepun. Hal ini juga melibatkan pasukan keselamatan terutama pihak polis. Awal tahun 1947 misalnya balai ini hanya berkekuatan empat orang anggota bujang, diketuai

⁷Huraian tentang tentera era darurat dapat dibaca dari Syed Othman Syed Omar, *Rejimen Askar Melayu DiRaja 1933-1968*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

⁸Beberapa huraian peristiwa zaman Jepun dapat dibaca dalam Agustine, James F, Dato', *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar: Muzium Negeri Kedah, 1996.

⁹ Lihat Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press, 2005, hlm.44. Che Jik telah ditembak ketika sedang bersembahyang.

L/KPL 6161 Arifin Bakar sebagai ketua balai dan dibantu oleh Kons 6590 Arop Saad, Kons 7927 Don dan Kons 7969 Yusof Hamid. Tugas mereka tetap sebagai penjaga keselamatan semua pekerja lombong dan balak juga menerima laporan serta aduan penduduk lain di Sintok ini. Bilangan anggota yang sedikit, kawasan dan penduduk yang luas menjadikan mereka sentiasa diawasi pihak PKM. Jelas kekuatan berada di pihak PKM apabila tenaga tempur, persenjataan, perhubungan dan lokasi perlindungan berpihak kepada mereka.

Kejadian tahun 1946 dan 1947 menjadi lebih panas setelah kerajaan mengharamkan PKM pada 23 Julai 1948 setelah berlaku serangan pembunuhan peladang Inggeris di Sungai Siput, Perak dan bulan Jun sebelumnya.¹⁰ Jika dilihat dari segi strategi, jelas pihak PKM telah merangka plan bertindak secara gerila lebih awal. Pertamanya mereka menyimpan sebahagian peralatan tempur yang dibekalkan Force 136 kepada mereka semasa MPAJA dibubarkan akhir tahun 1945. Doktrin dan hubungan sesama anggota mereka masih lagi kuat dengan adanya persatuan bekas komrad–MPAJA Ex-Comrades Association. Pelbagai tempat ditubuhkan cawangan ini termasuklah di Sintok sendiri.

Pihak Polis mempunyai jumlah anggota yang lebih besar ditempatkan di Changlun namun kawasan tanggung jawab mereka juga begitu luas hingga kesempadan Kodiang dan perbatasan di Bukit Kayu Hitam manakala anggota tambahan adalah dari balai Jitra. Rondaan keselamatan dibuat secara berkala keseluruh kawasan tanggung jawab. Selalunya melibatkan sebuah atau lebih kenderaan untuk tujuan tersebut. Topografi dari arah utara dan timur Changlun adalah berbukit, jalan perhubungan adalah melalui lereng-lerang bukit. Aspek ini menjadi satu kelebihan bagi mana-mana pasukan yang ingin melakukan serang hendap.

Dalam tahun 1948, dua serang hendap dilakukan PKM terhadap pasukan polis malah ia dilakukan ditempat yang sama. Serangan pertama ialah ketika sekumpulan anggota dari balai Changlun diketuai Ketua Polis Balai (OCS) Kpl 3426 Jaafar telah bergerak dengan kenderaan pada 14 September ke Sintok unuk menyiasat tenang kehadiran PKM, dalam perjalanan balik mereka diserang hendap berhampiran perkuburan Cina, Sintok. Posisi pihak Polis dalam zon menbunuh tersebut menjadikan mereka sasaran mudah bagi pihak PKM yang berkedudukan lebih tinggi ditebing dan dilindungi hutan

¹⁰Huraian lanjut tentang gerakan komunis awal 1948 boleh dibaca dalam Rayner, Leonard, *Emergency Years Malaya 1951-1954*, Singapore: Heineman Asia, 1982.

tebal. Hasilnya, Kons Abdul Hamid telah terkorban, tiga lagi iaitu termasuk Kpl Jaafar cedera parah dan hanya tiga yang selamat tanpa cedera.¹¹

Berita serangan ini menjadikan Sintok mulai panas dengan tindakan subversif PKM. Satu pasukan tindakan susulan dibuat kemudiannya dengan bilangan anggota yang lebih. Pasukan ini diketuai seorang pegawai berpangkat Inspektor, Shamshudin Mohd Ali dibantu Sjn Ismail dan lapan orang anggota. Tugas mereka ialah menyiasat serang hendap sebelumnya dan membuat penjejakan. Seperti yang disebutkan dari awal, Sintok adalah kawasan aktiviti PKM secara tradisi dan PKM lebih mahir serta mempunyai rangkaian perhubungan yang baik dengan penyokong mereka. Kumpulan Inps Shamshudin juga diserang dilokasi hampir sama dan seramai lima orang anggota iaitu Insp Shamshuddin, Sjn Ismail, Kons Hamid, Kons Ghani dan Kons Mahmud gugur menjadi mangsa peluru PKM manakala Kons Hamdan telah cedera parah. Dua orang anggota terselamat iaitu Kons Amran dan Kons Mat. Malang bagi pihak polis apabila dua anggota telah hilang dan tidak berjaya dikesan, mereka ialah Kons Ghani dan Kons Taib. Serang hendap ini telah menambah rancak dan ganas pihak PKM terhadap anggota keselamatan. Insp Shamshudin pula adalah pegawai berpangkat Inspektor pertama di Tanah Melayu yang terbunuh akibat serangan pihak PKM.¹²

PKM mula bersikap ganas dan diluar batasan kemuanusiaan, Di Sintok mayat Sjn Ismail telah dipotong dan dikelar. Kejadian ini seolah – olah satu amaran atau tindakan balas dendam kepada pasukan keselamatan dan seluruh penduduk awam. Rentetan dari itu didapati pihak PKM mula cuba menguasai Sintok secara total. Sintok mula diresapi fahaman dan aktiviti komunis dengan lebih meluas, polis kerap diancam keselamatan dengan serang hendap dan tembakan kearah balai. Pihak kerajaan mula bertindak dengan menugaskan satu pasukan tentera British Gurkha untuk tujuan pembersihan kawasan tersebut. Pasukan ini berkuataan 30 anggota tentera dan dua penunjuk jalan iaitu dua anggota polis, Kons Hashim dan Kons Ismail. Pasukan ini juga diserang hendap dalam jurang sempit menuju sungai Badak. Kedudukan PKM yang menyerang dari kedudukan yang tinggi telah memberikan kesan buruk kepada pihak tentera. Seramai 25 orang anggota pelbagai pangkat British Gurkha terbunuh termasuk seorang anggota polis, Kons Hashim. Hanya enam orang anggota tentera yang selamat dan seorang anggota polis, Kons Ismail.¹³

¹¹ Lihat Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press,2005, hlm.47

¹² Lihat Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press,2005, hlm.47

¹³ Lihat Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press,2005, hlm.50

Perlakuan kejam dibuat dengan melucutkan pakaian pasukan keselamatan yang ditangkap dan diarah berjalan kembali ke Changlun. Semua peralatan dan senjata telah dirampas pihak PKM, tentunya pihak mereka beroleh bekalan logistik yang cukup lumayan apabila kesemua alatan pihak pasukan keselamatan dirampas. Mereka yang pulang telah diberikan pertolongan dan pakaian oleh penduduk kampung dalam perjalanan ke Changlun. Kekejaman tidak berakhir disitu apabila jerangkap samar dipasang pula dibawah mayat tentera dan polis yang terkorban. Tujuannya sudah pasti supaya lebih banyak mangsa bakal menjadi korban. Pihak kerajaan mengambil masa dua hari untuk membuat pembersihan selamat untuk mengeluarkan mayat anggota keselamatan tersebut.¹⁴

Pihak pasukan keselamatan khususnya pihak polis yang semasa itu Ketua Polis Kedah (CPO) Goodwind dengan kerjasama Ketua Polis Daerah (OCPD) Kubang Pasu, Sup.Mohd Natt melihat hal ini telah benar-benar menjejaskan moral pihak anggota keselamatan dan memberikan peluang besar kepada pihak musuh. Satu bentuk perancangan yang lebih terperinci yang meliputi aspek dalaman dan luaran dibuat. Semangat juang pihak British Gurkha untuk membalas dendam kematian rakan mereka juga diambil kira. Sekali lagi mereka diberikan tugas untuk melakukan pembersihan Sintok dari penguasaan PKM. Mereka mula beroperasi dan beberapa kali bertempur dengan pihak komunis tersebut. Mereka berjaya membunuh beberapa orang PKM dan merampas kembali sebahagian senjata yang diambil PKM dari serangan dahulu. Penyerapan doktrin komunis dilihat begitu meluas apabila terdapat anggota PKM yang menyerang adalah penduduk Sintok sendiri. Kumpulan penduduk Sintok yang terlibat ini adalah terkesan dari permasalahan dalaman dalam kehidupan harian mereka dan doktrin komunis yang paling hampir telah menjadi pilihan mereka.¹⁵

Namun ternyata Sintok masih lagi pegangan yang kuat untuk aktiviti PKM, pihak kerajaan menugaskan British Gurkha yang berpangkalan di Pulau Pinang sebagai peneraju kawasan ini. Serangan dan pembunuhan masih tetap berlaku apabila pada 13 Januari 1949 sepasukan 35 tentera dan tujuh orang polis telah diserang PKM di kawasan antara sungai Badak dan sungai Sintok. Seramai sembilan tentera terkorban dan disusuli seorang anggota polis juga turut sama ditembak mati.¹⁶

¹⁴ Lihat Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press, 2005, hlm.50

¹⁵ Lihat Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press, 2005, hlm.51

¹⁶ Folder Darurat Vol 1, Muzium Angkatan Tentera.

Sintok Ditutup

Sintok telah benar-benar menjadi kawasan tidak selamat bagi pihak kerajaan dan penduduk awam sekalipun. Semakin kuat pula doktrin komunis diserapkan kepada penduduk khususnya para pekerja lombong bijih. Lewat tahun 1949, program pembersihan berskala besar dibuat dengan memindahkan semua penduduk keluar dan menutup kawasan aktiviti ekonomi di Sintok. Secara ini pihak PKM tidak dapat lagi berlindung disebalik identiti pekerja lombong dan langkah operasi keselamatan makin mudah dibuat. Kumpulan penduduk yang disyaki simpati komunis pula ditahan di Pusat Tahanan Pulau Jerejak di Pulau Pinang.¹⁷ Penduduk lain ditempatkan dikawasan baru dibawah konsep 'Kampong Baru' di seluruh Kedah ketika itu, ada juga yang dihantar kembali ke China. Hal ini juga melibatkan penduduk Melayu yang tinggal berdekatan juga diarah berpindah ke kampong yang lebih dianggap selamat. Sintok dibuka semula hanya pertengahan tahun 1952, sebahagian pekerja yang dipindahkan kembali semula menjalankan aktiviti ekonomi kawasan ini. Namun ada juga yang tidak lagi kembali ke Sintok dan membina penghidupan ditempat lain.¹⁸

Sintok Dibuka Semula

Pertengahan tahun 1952, Sintok dibuka semula setelah beberapa langkah keselamatan diambil. Sebahagian penduduk telah kembali semula untuk melakukan kerja lombong terutamanya. Balai polis dibuka semula dan diperkukuhkan dengan kehadiran Konstabel Tambahan dan Konstabel Khas (SC). Bagi kawasan penduduk Melayu pasukan pertahanan tempatan Home Guard ditubuhkan. Pasukan ini dilatih khusus bagi mempertahankan kampong halaman dari dicerobohi anasir PKM.¹⁹ Penglibatannya meliputi semua kaum, lelaki dan juga wanita kemudiannya. Disekitar Kubang Pasu khususnya berhampiran Sintok, beberapa kejadian tembak-menembak juga berlaku. Jelas dilihat apabila Sintok ditumpukan keselamatannya kawasan lain dijadikan sasaran.²⁰

PKM dilihat tidak duduk diam dalam hal ini, pemerhatian mereka tetap terhadap pasukan keselamatan. Serang hendap tidak putus begitu sahaja, pada 14 Disember

¹⁷ SUK 1249/1370

¹⁸ Ada diantara mereka yang mendiami kampong baru di Labu Besar, Karangan dan Padang Lembu di selatan Kedah, lihat Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press, 2005, hlm 53, lihat juga SUK 893/1373 tentang peruntukan kerajaan kepada Kedah untuk penempatan kampong baru.

¹⁹ Fail Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK) 225/1374- kejadian serangan PKM berlaku di kampong Wang Perah lebih kurang 10km dari Sintok. Pihak PKM telah menyerang Home Guard disitu. Lihat juga SUK 50/1371 tentang peranan Majlis Keselamatan Daerah dan Negeri

²⁰ Usman Awang telah menulis novel yang diasaskan pengalaman peribadi dalam Usman Awang, 1992. *Tulang-Tulang Berserakan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1952, mereka menyerang sepasukan polis di kampung Bendang Sentang , seorang Konstabel Tambahan 3382 Daud Awang telah terkorban. Menariknya isteri Daud bernama Som telah merayu kepada pihak polis supaya beliau dibenarkan menganggotai pasukan polis. Beliau kemudiannya telah berkhidmat sebagai anggota ‘Women Special Constable’ dengan nombor 53269.²¹ Serangan PKM tidak tamat lagi, mereka menyerang balai kemudiannya dan cuba membunuh OCS Sarjan Hassan, malangnya yang menjadi mangsa ialah isteri beliau, Taman yang mereka tawan dan bunuh. Jelas disini mereka cuba membina kekuatan moral dan membalas dendam kepada pihak kerajaan dengan membunuh anggota keselamatan. Menyedihkan apabila keluarga anggota polis juga menjadi mangsa pihak PKM ini. Terdapat juga kelemahan dipihak kerajaan pada masa itu disebabkan pasukan Home Guard tidak dibekalkan dengan peralatan tempur yang terkini atau setanding dengan pihak PKM. Andaikata pasukan Home Guard diperkuatkan selayaknya tentunya ia akan menjadi benteng yang kuat untuk mempertahankan pasukan polis ketika itu.²² Dalam kejadian tersebut Sjn Hassan terpaksa bergegas memohon bantuan ke Changlun, malangnya bantuan susulan tidak dapat dibuat disebabkan hari sudah malam. Kesannya isteri beliau menjadi sasaran bunuh pihak PKM. Pihak PKM bukan hanya menjadikan polis sebagai sasaran malah mengganggu para pekebun getah Cina dan Melayu ketika itu. Tokoh pimpinan tempatan seperti Penghulu Saaban merupakan individu yang kuat dan berpengaruh ditakuti pihak PKM di Sintok.²³

Serang hendap berterusan dan ini adalah taktik yang paling digemari PKM, pada 14 Januari 1953 satu seksyen anggota polis SC telah dijadikan mangsa. Enam orang anggota SC menjadi korban, antaranya seorang pemandu kenderaan bernama Salim yang lain dapat dikesan ialah Osman dan Ismail. PKM melakukan serangan hendap dengan jayanya disebabkan kawasan Sintok merupakan kawasan operasi mereka, manakala pihak SC pula kebanyakan mereka bukanlah orang tempatan dan baru mengenali kawasan Sintok. Pihak KPM juga mengambil kesempatan dengan kehadiran penduduk awam yang memburu rusa dikawasan berhampiran, ini dilihat satu kelebihan bagi pihak PKM untuk menyamar dan melepaskan diri. Tahun 1954 PKM menyerang lagi dengan menjadikan lima anggota SC sebagai korban, mereka ialah Abdullah Ahmad, Hussain, Othman Omar, Aziz Hussain dan Razak. Mereka

²¹ Penulis (Dr Mohd Kasri Saidon) sempat menemubual beliau dalam tahun 2004 di Jeram, Jitra Kedah. Beliau telah bersara sebagai anggota polis di balai polis Jitra sebagai pemangku Koprak.

²² Sehingga tahun 1958 beberapa aspek kekemasan balai pernah ditegur Baginda Sultan Badlishah dalam lawatan kerja beliau ke balai polis Kubur Panjang misalnya, rujuk SUK 1572/1376

²³ Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press, 2005, hlm 57, juga rujuk SUK 2740/1371 mengenai kuasa dan kedudukan Penghulu dalam pentadbiran mukim.

lebih bertindak ganas dengan kemudiannya membakar balai tersebut dalam tahun 1956.
24

Sintok Era Insurgensi

PKM mengundur ke selatan Thailand dan menjadikan beberapa tempat di selatan negara itu sebagai markas perlindungan mereka. Darurat tamat tahun 1960 dan kebanyakan kawasan diletakkan sebagai kawasan selamat. Di Sintok, aktiviti serang hendap reda seketika dan kerja ekonomi berjalan seperti biasa. Pada masa ini Sintok telah diperkuatkan dengan operasi keselamatan dari pihak polis dan tentera. Pasukan polis melalui Pasukan Polis Hutan (PPH)²⁵ antara yang kerap ditugaskan dikawasan ini.²⁶ PKM ketika ini dalam proses membina kembali pasukan mereka, Sintok diletakkan dibawah tanggung jawab Unit Pengempur Rejimen Ke-8 yang berpangkalan di wilayah Sadao, Thailand. Kumpulan ini melakukan kerja-kerja risikan, penyusupan dan carian logistik. Dipecahkan pula tenaga tempur mereka kepada kumpulan kecil yang dinamakan 'Armed Work Force'.²⁷

Penyusupan pihak mula dilakukan tanpa terlibat pertempuran dengan pasukan keselamatan.²⁸ Sasaran mereka lebih kepada mendapatkan bekalan logistik melalui para pekerja lombong. Ketika ini mereka kembali membina jalinan kerja dengan simpati mereka dikalangan rakyat umum. Sekitar tahun 1969 satu pembunuhan dibuat terhadap wanita Cina dilakukan dan mayatnya dicampakkan berdekatan pos polis di Sintok. Pihak kerajaan mengambil langkah segera dengan memperkuatkan operasi keselamatan di Sintok, pasukan 4 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) ditugaskan di Sintok. Pasukan ini juga tidak terlepas dari pemerhatian pihak PKM, satu serang hendap dengan kekuatan pasukan sehingga 40 orang PKM dibuat keatas kumpulan rondaan kecil tentera. Seramai empat orang tentera telah terkorban, mereka adalah 14502 Ahmad Hussain, 18625 Khalid Bakar, 18626 Ghani Salleh dan 18794 Abdul Rani Ramli.²⁹ Mereka kemudiannya menembak sebuah helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terbang melakukan operasi di kawasan tersebut.

²⁴ Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press, 2005, hlm. 60

²⁵ Pasukan ini awalnya dikenali sebagai Jungle Squad ditubuhkan dalam tahun 1948.

²⁶ Pasukan ini dikenali kini sebagai Pasukan Gerakan Am, pasukan ini diera insurgensi juga mengerakkan unit komandonya VAT 69 untuk tujuan operasi.

²⁷ Lihat Mohd Reduan Hj Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 113-120

²⁸ Kupan lanjut tentang teknik dan strategi PKM ini dapat diperolehi dari Alloysius Chin, 1994. *The Communist Party of Malaya*, Kuala Lumpur: Vinpress.

²⁹ Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press, 2005, hlm.70

Pesawat itu bagaimana pun berjaya mendarat cemas di Changlun.³⁰ Mereka juga memasang jerangkap samayang boleh membunuh dan mendatangkan kecederaan kepada pihak pasukan keselamatan terutamanya di kawasan sempadan. Serangan yang dilakukan di Sintok dilihat sebaris dengan apa yang dilakukan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Di Perlis, landasan keretapi di Kok Mak telah diletupkan pada 10 Disember 1969, lanjutan dari itu pada 14 Disember tiga das tembakan dilepaskan kearah balai polis Padang Besar sebagai tanda amaran.

Satu gerakan keselamatan besar-besaran yang dinamakan Ops Semai telah dibuat pada 4 Ogos 1969. Pihak kerajaan sekali lagi menutup Sintok dengan memindahkan sejumlah 112 penduduk ke Padang Lembu, Gurun dan Kepala Batas, Alor Setar. Operasi menyekat semua ruang pihak PKM dari berhubung dan berlindung di Sintok ini telah memberi kesan yang positif. Sintok kembali pulih, Ops Semai ditamatkan pada 16 Mac 1970. PKM mengubah sasaran serangan mereka luar dari Sintok kemudiannya, mereka menyerang pasukan PPH di kawasan Kuala Nerang dan memberi asakan di Durian Burung³¹, Muang Gajah dan empangan Muda³² yang sedang dalam proses pembinaan untuk tanaman padi dua kali setahun bagi negeri Kedah.³³ Dalam tahun 1975 pula mereka menyerang PPH dan pegawai pemetaan Jabatan Ukur di kawasan hutan simpan Bukit Tangga yang tidak jauh dari Sintok.³⁴ Kawasan ini kemudiannya menjadi kawasan keselamatan dalam tempoh yang lama. Perintah Berkurung dikenakan dari jam enam petang sehingga enam pagi bagi penduduk kawasan berhampiran. Pihak PKM mulai mengendur dalam perjuangan mereka, krisis dalaman serta masalah sokongan juga menghantui mereka.³⁵ Politik dunia telah berubah, perjuangan mereka tidak lagi mendapat tempat dihati generasi muda.³⁶ Mereka akhirnya meletakkan senjata secara rasmi pada 2hb Disember 1989

³⁰ Kupasan lanjut tentang peranan helikopter dalam era insurgensi boleh dirujuk dari Nor Ibrahim, *X Nuri Pilot*, Jitra: penerbit sendiri, 2011

³¹ Kawasan Padang Terap, Kuala Nerang yang juga melibatkan sempadan Durian Burung dan Ban Prakop di Thailand juga terlibat dalam aktiviti PKM seawal pengisytiharan darurat. Lihat Mohd Kasri Saidon, *Darurat di Tanah Melayu 1948-1960, Kesan dan Kesan Terhadap Kedah*, Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia, 2007.

³² Empangan ini dibina dalam tahun 1969 untuk menampung bekalan air tujuan pertanian kepada pesawah seluas 96,000 hektar dibawah Rancangan Pengairan Muda.

³³ Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, *Sintok: Perkembangan sebuah penempatan*, Sintok: UUM Press, 2005, hlm. 73

³⁴ Kejadian ini telah mengorbankan tiga anggota polis Thailand dan tiga pegawai Jabatan Ukur. Lihat buku cenderamata Majlis Pengkisahan Sejarah Sintok, *Darurat di Kedah*, 26 Feb.2000.

³⁵ Namun versi perjuangan pihak PKM puladapat dibaca dari Abu Samah Mohd Kassim, 1996. *Sejarah dan Perjuangan Kemerdekaan*, Hong Kong: Nan Dao Publisher

³⁶ Ketika itu berlaku pemecahan pengaruh Russia di tanah besar Russia dan percantuman Jerman Barat dan Jerman Timur. China juga sudah lama mengadakan hubungan diplomatik dengan negara bukan komunis termasuk Malaysia. Doktrin komunis ala silam sudah tidak mendapat sambutan, terdapat hanya 694 sahaja anggota PKM ketika itu. Lanjut juga pemahaman lanjut tentang hubungan China dan Malaysia dalam Abdullah

di Hatyai. Sekaligus aktiviti serang menyerang dan segala bentuk ancaman bersenjata tamat dengan sendirinya.³⁷

Kawasan Sintok kemudiannya dimajukan kerajaan dengan projek pertanian terutama tanaman getah.³⁸ Hutan diterokai dan dijadikan ladang getah khususnya dengan kelolaan pihak Risda. Lebuhraya utara selatan dibina merentasi kawasan Changlun sehingga sempadan Bukit Kayu Hitam dan menjadikan kawasan Sintok juga tidak terlepas dari arus pembangunan. Tun Mahathir kemudiannya mengusahakan sebuah universiti didirikan di Sintok. Akhirnya tertubuh Universiti Utara Malaysia ditapak yang dahulunya menjadi medan bertempur antara pihak pasukan keselamatan dan PKM. Kini medan darah tersebut telah bertukar menjadi medan ilmu yang berdiri megah sebagai antara universiti yang ternama di Malaysia kini.³⁹

KESIMPULAN

Sintok adalah medan berdarah yang asasnya adalah kawasan hutan di sempadan Malaysia-Thailand. Medan ini diwarnai oleh cerita ekonomi yang melibatkan para pelombong, ada yang datang dari tanah besar China dan asakan doktrin PKM yang terbina semasa mereka berlindung dengan nama PKM lagi. Pengharaman PKM menjadikan Sintok wilayah yang mereka kuasai, pelombong dan penduduk menjadi sasaran mereka untuk memperkuatkan kedudukan mereka. Pihak pasukan keselamatan khususnya pihak polis menjadi sasaran utama pihak PKM. Pihak polis telah menunjukkan semangat juang yang tinggi demi tugas. Pembunuhan dan serangan yang kerap menyebabkan pihak kerajaan mengadakan gerakan keselamatan lebih kerap dan bersekala lebih besar. Kemahiran PKM dari zaman MPAJA dan dibantu oleh kelebihan topografi bumi Sintok kerap dilihat memihak kepada pihak mereka. Perjuangan kearah keamanan diteruskan oleh pihak tentera dan polis sehingga pihak PKM akhirnya meletak senjata dalam perjanjian damai. Sintok kemudian bertukar menjadi wadah ekonomi dan medan ilmu hingga kini. Segala bentuk kisah dan rentetan perjuangan di Sintok wajar dilihat balik oleh setiap warga Malaysia. Pengorbanan dan pelajaran yang diperolehi dari sejarah Sintok ini adalah sesuatu yang sangat bernilai. Ia wajar dikaji lanjut dan diabadikan sebagai sebahagian dari sejarah utama negara melawakan pihak komunis.

Dahana, *China dan Malaysia Dalam Era Perang Dingin 1949-1974*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

³⁷ Rundingan ini diadakan di hotel Lee Garden, Hatyai dan melibatkan tokoh PKM seperti Chin Peng, Abdullah CD dan Rashid Maidin. Pihak PKM kemudiannya ramai yang memilih untuk menetap di Thailand.

³⁸ Usaha kerajaan dan kemahuan rakyat mencari nafkah di Kedah digambarkan juga dalam Mohamad Zahir Ismail, *Bukit Tembaga*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd, 1995.

³⁹ Ditubuhkan dalam tahun 1984 dengan kampus sementara di Jitra, berpindah ke Sintok dalam tahun 1991.

RUJUKAN

- Abdullah Dahana, China dan Malaysia Dalam Era Perang Dingin 1949-1974, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.
- Agustine, James F, Dato', Kedah Zaman Silam, Alor Setar: Muzium Negeri Kedah, 1996.
- Alloysius Chin, 1994. The Communist Party of Malaya, Kuala Lumpur: Vinpress.
- Abu Samah Mohd Kassim, 1996. Sejarah dan Perjuangan Kemerdekaan, Hong Kong: Nan Dao Publisher
- Abdul Samad Idris, Askar Melayu 50 Tahun, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman, 1983
- Syed Othman Syed Omar, Rejimen Askar Melayu DiRaja 1933-1968, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.2005.
- Mohd Reduan Hj Asli, Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993
- Mohamad Zahir Ismail, Bukit Tembaga, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd, 1995.
- Mohd Isa Othman, Pengalaman Kedah dan Perlis Di Zaman Penjajahan British, Kuala Lumpur: Utusan Publication.2001
- Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, Sintok: Perkembangan sebuah penempatan, Sintok: UUM Press, 2005
- Nor Ibrahim, X Nuri Pilot, Jitra: penerbit sendiri , 2011
- Rayner, Leonard, Emergency Years Malaya 1951-1954, Singapore: Heineman Asia, 1982
- James Dobree, Peter, Hujan Panas Bawa Bencana, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Usman Awang, 1992. Tulang-Tulang Berserakan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim Wan Teh, Perang Dunia ke Dua, Peranan Gerila Melayu Force 136, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993

Fail Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK)

- SUK 1572/1376
SUK 225/1374
SUK 50/1371
SUK 893/1373
SUK 1249/1370

Bahan Lain

- Cenderamata Majlis Pengkisahan Sejarah Sintok, Darurat di Kedah, 26 Feb.2000.
Folder Darurat Vol 1, Muzium Angkatan Tentera.